

Abdullah lawat Melaka

MELAKA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan MSC Malaysia @ Melaka Cybercentre di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), sempena lawatan kerja sehari ke negeri itu, 26 Jun ini.

Pada majlis itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis akan menyempurnakan penyerahan status Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk kawasan MITC kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, dengan disaksikan Perdana Menteri.

Program sempena pelancaran MSC Malaysia @ Melaka Cybercentre itu akan diadakan selama dua hari dan lintas langsung ucapan tahniah daripada Telekom Malaysia (TM) juga akan diadakan menggunakan teknologi 3G.

Empat seminar berkaitan bidang teknologi akan diadakan memabitkan wakil Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) serta Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Sempena pelancaran itu juga Perdana Menteri akan melawat bangunan Inkubator K-Ekonomi yang setakat ini menempatkan 29 syarikat termasuk sebuah syarikat dari Korea Selatan.

MITC juga menempatkan Wisma Negeri, Masjid Al-Alami, bangunan Bioteknologi, Menara MITC dan restoran Melayu.

Sementara itu, ketika di sini, Perdana Menteri juga dijadualkan melawat Muzium Cheng Ho, melawat projek tanaman mangga delite di Kampung Gelam, mengadakan perjumpaan dengan pemimpin Umno dan menghadiri jamuan rakyat di MITC, yang dijangka dihadiri 30,000 masyarakat pelbagai kaum di negeri ini.